**KPKT bantu pemaju tarik penjawat awam beli rumah Sireh Residence**

BERNAMA | | 12 Januari 2020



Zuraida (kiri) semasa membuat lawatan ke rumah contoh Projek Perumahan Awam Malaysia (PPAM) Sireh Residence, Mukim Kampung Sireh hari ini. Turut hadir Pengarah Urusan Liziz Standaco Sdn Bhd, Tan Sri Guok Nguong Peng (kanan). - Foto Bernama

A

A

KOTA BHARU - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membantu pemaju projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) Sireh Residence, di sini untuk menarik lebih ramai golongan berkenaan membeli rumah di kawasan itu.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, ini kerana sambutan terhadap projek perumahan itu terlalu rendah iaitu sebanyak 248 permohonan sahaja setakat ini berbanding 2,160 unit yang disediakan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 1,080 unit membabitkan dua blok perumahan telah 90 peratus siap manakala bakinya belum dimulakan lagi.

"Kita tidak tahu apa sebab permohonannya begitu rendah sedangkan kawasan ini merupakan kawasan yang pesat membangun dan harganya di bawah mampu milik